

17 JUL 2002

Mahathir-P/Raya

PILIHAN RAYA KECIL PENDANG DAN ANAK BUKIT PROSES PENTING

PUTRAJAYA, 17 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan pemilih dalam pilihan raya kecil Pendang dan Anak Bukit supaya memilih calon berasaskan kepada kebolehan untuk berkhidmat dan bukan rasa benci terhadap seseorang yang datang dari parti lain.

Perdana Menteri berkata amat malang sekali jika dalam pilihan raya kecil itu pemilihan dibuat bukan berasaskan kepada kebolehan calon untuk berkhidmat tetapi sebaliknya berdasarkan kepada kebencian.

Sambil menegaskan pilihan raya kecil itu adalah proses penting untuk menentukan masa depan penduduk di kedua-dua kawasan itu, Dr Mahathir berkata beliau berharap mereka akan memilih calon berasaskan kepada kebaikan yang boleh dibawa kepada penduduk di kawasan tersebut.

"Saya berharap pengundi akan memilih dengan bijak supaya masa depan mereka lebih terjamin dengan memilih calon dari parti yang sedang memerintah yang boleh memberi dan membawa kemajuan ke kawasan Pendang dan Anak Bukit," kata Dr Mahathir dalam Perutusan Perdana Menteri sempena pilihan raya kecil itu.

Pilihan raya kecil Parlimen kawasan Pendang dan Dewan Undangan Negeri kawasan Anak Bukit menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara calon Barisan Nasional (BN) dengan Pas. Pengundian bagi kedua-dua pilihan raya kecil tersebut dijalankan esok.

Bagi kawasan Pendang calon BN Datuk Othman Abdul ditentang oleh calon Pas Dr Mohd Hayati Othman manakala bagi Anak Bukit, Datuk Zakaria Said (BN) dicabar oleh Amiruddin Hamzah (Pas).

Kedua-dua kerusi itu menjadi kosong ekoran kematian penyandanginya Presiden Pas Datuk Fadzil Noor pada 23 Jun lepas.

Dr Mahathir berkata beliau memberi nasihat sedemikian kerana perasaan dan semangat kebencian di kalangan penyokong parti pembangkang begitu menyeluruh kerana ia telah disemai sejak pada peringkat kanak-kanak.

"Cara sedemikian akan menyebabkan kebolehan untuk memilih siapa yang baik tidak dapat dilakukan kerana perasaan benci telah mempengaruhi pemilihan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata walaupun keputusan pilihan raya kecil itu tidak dapat menentukan siapa yang akan menjadi kerajaan dan siapa yang akan menjadi pembangkang, ia tetap penting kepada penduduk kawasan berkenaan.

Katanya calon dari bukan parti kerajaan sering kali tidak boleh menunaikan janji mereka dan sebaliknya calon dari parti kerajaan boleh menunaikan janji mereka walaupun tidak kesemuanya.

Daripada rekod kerja BN sebagai parti pemerintah, terbukti kerajaan telah membawa banyak kemajuan dan perubahan di Pendang dan Anak Bukit.

"Saya dulu pernah jadi wakil rakyat Pendang dan saya tahu keadaan semasa itu begitu teruk tetapi sekarang ini kita dapati begitu banyak kemajuan hasil usaha kerajaan negeri dan pusat," kata beliau.

Perdana Menteri juga berharap pengundian akan dapat dijalankan dengan sempurna selaras dengan amalan demokrasi.

-- BERNAMA

HS ZS NMO